

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH : 29 JULAI 2016

Konsep mesra alam meriahkan Jamuan Raya MBSA

SHAH ALAM - Konsep 'Go Green' sekali lagi menjadi tema Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi penganjuran jamuan Aidilfitri tahun ini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad, berkata konsep itu merangkumi penyediaan juadah, hiasan gerai dan pengurusan sampah.

Katanya, peralatan seperti pinggan, mangkuk, cawan, sudu dan garfu yang digunakan diperbuat daripada plastik dan kertas.

"Kita juga tidak menggunakan peralatan berasaskan polisterin.

"Perhiasan khemah makanan disediakan berasaskan bahan kitar semula, penyediaan tong kitar semula serta tong pengasingan minyak bagi pengendalian jamuan," katanya.

Selain Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad, majlis turut dihadiri Tengku Laksamana Selangor, Tengku Sulaiman Shah dan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Sejumlah RM2,000 turut di-sumbang kepada Pertubuhan Pengurusan Rumah Safiyah Seksyen U10 dan duit raya kepada 30 anak yatim.

